



Bibik-Bibik Kekalahan Israel Dalam Perang Taufan Al-Aqsa

Oleh: Syed Ahmad Fathi (fathi137@gmail.com)

Artikel ini merupakan siri artikel yang bertujuan untuk merekodkan situasi perang antara Israel dan pejuang kemerdekaan Palestin yang bermula pada 07 Oktober 2023. Perang yang bermula pada bulan Oktober 2023 ini digelar sebagai “Taufan Al-Aqsa” oleh pejuang kemerdekaan Palestin manakala pasukan penjajah zionis Israel memanggil operasi mereka sebagai “*Operation Iron Swords*”. Antara tulisan pertama saya dalam siri ini adalah sebuah transkrip perihal pandangan John Mearsheimer, yang merupakan seorang professor sains politik berfahaman realis, bahawa Israel tidak mungkin akan berjaya menghapuskan Hamas.¹ Kedua adalah transkrip kepada apa yang dibicarakan oleh Josh Paul yang merupakan bekas pengarah dalam kerajaan Amerika Syarikat bagi bantuan persenjataan untuk negara luar. Josh Paul meletak jawatan kerana tidak bersetuju dengan polisi Amerika Syarikat membekalkan senjata kepada Israel.²

Kedua-dua artikel transkrip ini dihasilkan pada permulaan perang pada bulan Oktober 2023. Apabila perang berkembang, saya telah melakukan kajian lanjutan dengan mengkaji kesan perang ini bagi Israel pada hubungan diplomatiknya dengan negara-negara lain. Kajian pada bulan November 2023 ini memperincikan negara-negara yang telah memutuskan hubungan diplomatik dengan Israel sebagai tanda protes terhadap kekejaman perang yang dilakukan.³ Akhir sekali, satu kajian tinjauan telah dilakukan pada awal Disember 2023 untuk melihat bagaimana perang ini mengubah dinamik politik domestik di Amerika Syarikat. Analisis ini penting kerana tanpa bantuan Amerika Syarikat, Israel tidak mampu melancarkan jenayah peranginya.⁴

Bukti-Bukti Kekalahan Israel

Menuju akhir Disember 2023, satu artikel penting telah diterbitkan oleh akhbar *The Guardian* hasil tulisan Paul Rogers yang merupakan profesor emeritus dalam kajian keamanan di Universiti Bradford.⁵ Rogers berpandangan bahawa Israel sedang menghadapi kekalahan teruk walaupun kerajaan Netanyahu tidak mahu mengakuinya. Apakah buktinya?

¹ Syed Ahmad Fathi. “Israel Tidak Mungkin Akan Berjaya Menghapuskan Hamas Melalui Perang Darat Menurut John Mearsheimer.” *Isu Semasa*, 2023.

² Syed Ahmad Fathi. “Josh Paul Meletakkan Jawatan Kerana Tidak Mahu Amerika Syarikat Menghantar Senjata Ke Israel Bagi Membunuh Rakyat Gaza.” *Isu Semasa*, 2023.

³ Syed Ahmad Fathi. “Kesan Jenayah Yang Dilakukan Oleh Israel Pada Perang Oktober 2023 Di Gaza Terhadap Hubungan Diplomatiknya Dengan Negara-Negara Lain.” *Kajian Hubungan Antarabangsa*, 2023.

⁴ Syed Ahmad Fathi. “Kesan Perang Pembersihan Etnik Di Gaza Pada Oktober 2023 Terhadap Sokongan Kepada Israel Dalam Politik Domestik Di Amerika Syarikat.” *Kajian Hubungan Antarabangsa*, 2023.

⁵ Paul Rogers. “Israel is losing the war against Hamas – but Netanyahu and his government will never admit it”. *The Guardian*, 21 Disember 2023. Pautan: <https://www.theguardian.com/commentisfree/2023/dec/21/israel-losing-war-against-hamas-netanyahu-idf>

Israel telah membunuh 20,000 warga awam Palestin kebanyakannya wanita dan kanak-kanak dalam siri pengeboman udaranya, manakala 50,000 warga awam dilaporkan cedera. Namun ini bukanlah boleh dikatakan sebagai kejayaan ketenteraan kerana yang dibunuh adalah warga awam. Dari sudut ketenteraan, hal ini tidak memberikan kelebihan. Pejuang kemerdekaan Palestin yang diketuai Hamas mempunyai sistem terowong moden berteknologi tinggi. Sistem ini jauh dibina di bawah tanah dan tidak terkesan dari siri pengeboman udara. Tentera Penjajah Israel (TPI) beberapa kali mengumumkan bahawa mereka telah berjaya menguasai Utara Gaza. Contohnya pada 08 November 2023, jurucakap TPI, Daniel Hagari berkata Hamas telah hilang kawalan terhadap bahagian Utara Gaza.⁶

Namun menurut Paul Rogers, pada 12 Disember 2023, Hamas berjaya melakukan serang hendap terhadap TPI di kawasan yang kononnya sudah dikuasai. Malah pasukan TPI yang datang untuk menyelamatkan pasukan yang diserang hendap juga telah diserang hendap. Bagi Rogers, serangan seperti ini sangat signifikan kerana ia berjaya membunuh tentera penjajah yang berpangkat tinggi seperti Kolonel dan Mejar. Jika Hamas sudah hilang kawalan, mustahil serangan seperti ini dapat dilakukan menurut Paul Rogers.

Jika kita meneliti sumber yang dikeluarkan oleh Hamas sendiri, kita akan mendapati bahawa hampir setiap hari mereka mengeluarkan laporan operasi ketenteraan mereka beserta dengan bukti video. Contohnya pada 23 Disember 2023, jam 09.35 malam waktu Malaysia, Hamas mengeluarkan laporan berikut melalui saluran Telegram:

“Mujahidin Al-Qassam dapat memerangkap 4 jip komando musuh ke dalam serangan hendap di kawasan Juhur al-Dik di tengah Semenanjung Gaza, di mana mereka meletupkan kawasan tersebut menggunakan alat anti-personal dan anti-perisai, yang membawa kepada kehancuran pasukan musuh dan membunuh semua anggotanya. Sebuah kereta kebal zionis yang bergegas ke kawasan tersebut juga dimusnahkan dengan peluru "Yassin 105". Pasukan penyelamat musuh di kawasan operasi juga telah diserang dengan sistem peluru berpandu "Rajum" dan peluru mortar berkaliber berat. Pesawat dan ambulans zionis kemudian dilihat mengangkut orang mati dari tempat kejadian.”



Peta 1: Peta kawasan tengah Gaza di mana lokasi Juhur al-Dik dapat dilihat berada di pinggir Gaza.

⁶ Emine Sinmaz. “Northern Gaza exodus accelerating, says Israel, as WHO warns of disease risk”. *The Guardian*, 09 November 2023. Pautan: <https://www.theguardian.com/world/2023/nov/09/israel-hamas-war-tens-thousands-palestinians-leave-gaza-military-who-disease-risk>

⁷ Sumber rasmi Hamas dari aplikasi Telegram pada 23 Disember 2023.

Jika kita meneliti peta Gaza, kawasan Juhr al-Dik yang berada ditengah Gaza ini merupakan kawasan sempadan dengan Israel. Bermaksud ia adalah kawasan pinggir Gaza. Di sini kita melihat, selepas 78 hari bertempur, TPI masih belum berjaya menguasai pinggir Gaza, iaitu kawasan yang berdekatan dengan sempadan Israel.

Menurut Rogers lagi, TPI tidak mengeluarkan statistik sebenar askarnya yang terbunuh dan cedera. Contohnya angka rasmi mengatakan hanya 1,900 tentera yang tercedera sementara 460 terbunuh. Namun sumber dari pusat kesihatan di Israel memaklumkan bahawa 2,000 tentera TPI cedera dan dikatakan sebagai cacat kekal. Jika kita meneliti sumber Israel sendiri, kita akan mendapati, mereka juga tidak mempercayai penipuan yang sering diungkapkan oleh jurucakap TPI seperti Hagari. Chaim Levinson menerusi akhbar *Haaretz* mengatakan bahawa jurucakap tentera berbohong kononnya Israel sedang memenangi perang bagi memastikan ia mendapat sokongan domestik. Levinson mengungkapkannya bahawa apa yang dikatakan oleh jurucakap TPI sebagai "*lipstick on nonsense*".⁸

Pengunduran Golani "Tiktok" Brigade

Kenyataan Chaim Levinson bahawa penipuan jurucakap seperti Hagari sebagai *lipstick on nonsense* sebenarnya tidaklah jauh dari realiti. Kerana pada hari yang sama, keluar laporan bahawa TPI mengumumkan pengunduran brigade elit Israel yang dipanggil sebagai Golani Brigade. Pengunduran ini adalah kerana brigade ini telah mengalami kehancuran yang teruk setelah bertarung di medan selama 60 hari. Brigade yang sama berjaya dikalahkan di Shejaiya, Gaza pada tahun 2014.⁹

Antara kehilangan signifikan brigade ini adalah kematian komandernya iaitu Tomer Grinberg pada 12 Disember 2023. Beberapa hari sebelum beliau terbunuh, beliau dengan angkuhnya direkodkan dalam sebuah video menjanjikan kemenangan buat Israel. Beliau terbunuh dalam satu operasi serang hendap hebat oleh pejuang kebebasan Palestin di Shejaiya. Dalam operasi tersebut 10 tentera penjajah dalam Golani Brigade berjaya dihapuskan oleh pejuang pembebasan Palestin termasuklah Tomer Grinberg dan juga Kolonel Itzhak Ben Basat. Menurut Jeneral Moshe Kaplinsky, Golani sudah kehilangan 88 anggotanya, 72 terbunuh pada hari pertama, bermaksud pada hari pertama, Golani sudah kehilangan satu perempat dari kekuatannya.¹⁰

Pada pandangan saya, jika pada hari pertama sudah hilang satu perempat kekuatan, brigade ini bukanlah sebuah brigade elit seperti yang digembar-gemburkan. TPI sering memuat naik video askarnya menari di aplikasi Tiktok. Kekalahan yang memalukan hanya selepas 60 hari bertempur ini bagi saya membuktikan bahawa brigade ini perlu diberi nama baharu iaitu "Golani Tiktok Brigade", mereka seharusnya fokus kepada medan perjuangan mereka yang sebenar iaitu menari di dalam aplikasi Tiktok berbanding bertempur di medan perang. Kerana mereka langsung tidak efektif dalam *modern urban warfare*.

Operasi Genocide Guardian

Apabila Israel memulakan perang pembersihan etnik di Gaza pada Oktober 2023. Situasi ini telah menimbulkan ketidakstabilan serantau. Hezbollah di Lubnan telah melancarkan siri serangan di utara Israel bagi membantu meringankan serangan di Gaza. Selain itu, tentera Houtis di Yaman juga telah bertindak menyerang kapal-kapal komersial yang mempunyai kaitan dengan Israel. Serangan oleh Houtis di Yaman ini telah mengakibatkan Israel rugi besar, pelabuhan Eilat di Israel mengalami penurunan aktiviti sebanyak 85 peratus.¹¹

⁸ Chaim Levinson. Israelis Need the Army Spokesman's Lies to Keep Believing We're Winning. *Haaretz*, 21 Disember 2023. Pautan: <https://www.haaretz.com/israel-news/2023-12-21/ty-article/.premium/israelis-need-the-army-spokesmans-lies-to-keep-believing-were-winning/0000018c-8cdb-da31-adff-8edb0f430000>

⁹ Golani Units Pulling out from Gaza – What It Means. *The Palestine Chronicle*, 21 Disember 2023. Pautan: <https://www.palestinechronicle.com/golani-units-pulling-out-from-gaza-what-it-means/>

¹⁰ Israel's Elite Golani Brigade Withdrawn After Severe Setback in Gaza. *Defence Security Asia*, 23 Disember 2023. Pautan: <https://defencesecurityasia.com/en/golani-israel-setback-withdraw/>

¹¹ Ari Rabinovitch. Israel's Eilat Port sees 85% drop in activity amid Red Sea Houthi attacks. *Reuters*, 21 Disember 2023. Pautan: <https://www.reuters.com/world/middle-east/israels-eilat-port-sees-85-drop-activity-amid-red-sea-houthi-attacks-2023-12-21/>

Amerika Syarikat yang berlagak seperti polis dunia telah mengumumkan bahawa mereka akan membantu rakan jenayah mereka iaitu Israel. Setiausaha pertahanan Amerika Syarikat, Lloyd J. Austin telah mengumumkan pada 18 Disember 2023 operasi yang dipanggil sebagai Operation Prosperity Guardian untuk mengawal situasi di Laut Merah dan mempertahankan kapal-kapal Israel dari serangan Houtis. Antara negara yang dikatakan akan menyertai pasukan ini adalah Britain, Bahrain, Kanada, Perancis, Itali, Belanda, Norway, Seychelles dan Sepanyol.¹²

Operasi Amerika Syarikat ini sebenarnya mahu melindungi jenayah perang Israel, oleh itu nama yang lebih sesuai adalah Operation Genocide Guardian. Walaubagaimanapun, operasi ini masih belum kelihatan mampu melakukan apa-apa. Malah Sepanyol, Itali, dan Perancis menyatakan kemudiannya bahawa mereka tidak akan menyertai Operation Genocide Guardian yang dipimpin oleh Amerika Syarikat ini.¹³ Selain tidak ada pasukan yang betul-betul mampu bergerak mengawal Laut Merah. Rancangan Amerika Syarikat ini juga dilihat tidak akan pergi ke mana-mana. Terbaru, sebuah kapal yang mempunyai hubungan dengan Israel iaitu *Chem Pluto* telah diserang oleh dron di Laut Arab meyebabkan berlaku letupan dan kebakaran.¹⁴ Ini menunjukkan bahawa serangan boleh berlaku bukan sahaja di Laut Merah, tetapi kawasan yang lebih luas. Untuk mengawal semua laut-laut ini adalah satu kemustahilan dan Israel dijangka akan mengalami kerugian ekonomi berterusan.

Kesimpulan

Selepas 78 hari berperang, ternyata Tentera Penjajah Israel tidak berjaya mencapai 2 objektif utamanya iaitu menghapuskan Hamas dan juga membebaskan tawanan perang mereka. Kemampuan mereka adalah setakat membunuh orang awam melalui pengeboman udara. Dari analisa Paul Rogers, dapatlah kita ketahui bahawa Israel sedang mengalami kekalahan bukannya kemenangan. Hal ini diakui sendiri oleh tulisan-tulisan dari Israel seperti tulisan Chaim Levinson yang telah kita bahaskan. Pengunduran awal Golani Tiktok Brigade juga merupakan indikasi kuat untuk meyakinkan kita bahawa kempen jenayah Netanyahu ini akan menemui kegagalan. Tekanan dari Hezbollah dan juga Houtis juga menambah mimpi ngeri buat Israel. Dengan latar tekanan antarabangsa, juga merosotnya sokongan domestik Amerika Syarikat, kesimpulan yang boleh dibuat adalah kempen ini tidak akan bergerak seperti yang dijangkakan oleh penjajah Israel. Walaupun mereka tidak mengakuinya secara rasmi, bukti-bukti kekalahan mereka sudah terpampang untuk dilihat oleh dunia. Benarlah analisa Paul Rogers setakat ini bahawa Israel sebenarnya menuju kekalahan.

Nota: Artikel ini diterbitkan pada 24 Disember 2023, statistik kematian awam dan juga kematian tentera menggambarkan situasi semasa ia ditulis. Oleh kerana perang ini masih berterusan, angka-angka ini dijangka akan terus meningkat dari masa ke semasa.

¹² Statement from Secretary of Defense Lloyd J. Austin III on Ensuring Freedom of Navigation in the Red Sea. U.S. Department of Defense, 18 Disember 2023. Pautan: <https://www.defense.gov/News/Releases/Release/Article/3621110/statement-from-secretary-of-defense-lloyd-j-austin-iii-on-ensuring-freedom-of-n/>

¹³ Dmitry Zhdannikov. Spain, Italy, France Decline US Command Of Red Sea Operation Prosperity Guardian. *Gcaptain*, 22 Disember 2023. Pautan: <https://gcaptain.com/spain-italy-france-decline-us-command-of-red-sea-operation-prosperity-guardian/>

¹⁴ Amrita Nayak Dutta. Drone strikes ship with 21 Indians on board in Arabian Sea; Navy sends aircraft, warship. *The Indian Express*, 23 Disember 2023. Pautan: <https://indianexpress.com/article/world/israel-merchant-vessel-hit-aerial-vehicle-india-uk-9080225/>

Bibliografi

2023. "Golani Units Pulling out from Gaza – What It Means." *The Palestine Chronicle*. December 21. <https://www.palestinechronicle.com/golani-units-pulling-out-from-gaza-what-it-means/> .
- Austin, Lloyd J. 2023. "Statement from Secretary of Defense Lloyd J. Austin III on Ensuring Freedom of Navigation in the Red Sea." *U.S. Department of Defense*. December 18. <https://www.defense.gov/News/Releases/Release/Article/3621110/statement-from-secretary-of-defense-lloyd-j-austin-iii-on-ensuring-freedom-of-n/>.
- Dutta, Amrita Nayak. 2023. "Drone strikes ship with 21 Indians on board in Arabian Sea; Navy sends aircraft, warship." *The Indian Express*. December 23. <https://indianexpress.com/article/world/israel-merchant-vessel-hit-aerial-vehicle-india-uk-9080225/>.
2023. "Israel's Elite Golani Brigade Withdrawn After Severe Setback in Gaza." *Defence Security Asia*. Disember 23. <https://defencesecurityasia.com/en/golani-israel-setback-withdraw/> .
- Levinson, Chaim. 2023. "Israelis Need the Army Spokesman's Lies to Keep Believing We're Winning." *Haaretz*. December 21. <https://www.haaretz.com/israel-news/2023-12-21/ty-article/.premium/israelis-need-the-army-spokesmans-lies-to-keep-believing-were-winning/0000018c-8cdb-da31-adff-8edb0f430000> .
- Rabinovitch, Ari. 2023. "Israel's Eilat Port sees 85% drop in activity amid Red Sea Houthi attacks." *Reuters*. Disember 21. <https://www.reuters.com/world/middle-east/israels-eilat-port-sees-85-drop-activity-amid-red-sea-houthi-attacks-2023-12-21/>.
- Rogers, Paul. 2023. "Israel is losing the war against Hamas – but Netanyahu and his government will never admit it." *The Guardian*. December 21. <https://www.theguardian.com/commentisfree/2023/dec/21/israel-losing-war-against-hamas-netanyahu-idf>.
- Sinmaz, Emine. 2023. "Northern Gaza exodus accelerating, says Israel, as WHO warns of disease risk." *The Guardian*. November 9. <https://www.theguardian.com/world/2023/nov/09/israel-hamas-war-tens-thousands-palestinians-flee-gaza-military-who-disease-risk> .
- Syed Ahmad Fathi. 2023. "Israel Tidak Mungkin Akan Berjaya Menghapuskan Hamas Melalui Perang Darat Menurut John Mearsheimer." *Isu Semasa*.
- Syed Ahmad Fathi. 2023. "Josh Paul Meletakkan Jawatan Kerana Tidak Mahu Amerika Syarikat Menghantar Senjata Ke Israel Bagi Membunuh Rakyat Gaza." *Isu Semasa*.
- Syed Ahmad Fathi. 2023. "Kesan Jenayah Yang Dilakukan Oleh Israel Pada Perang Oktober 2023 Di Gaza Terhadap Hubungan Diplomatiknya Dengan Negara-Negara Lain." *Kajian Hubungan Antarabangsa*.
- Syed Ahmad Fathi. 2023. "Kesan Perang Pembersihan Etnik Di Gaza Pada Oktober 2023 Terhadap Sokongan Kepada Israel Dalam Politik Domestik Di Amerika Syarikat." *Kajian Hubungan Antarabangsa*.
- Zhdannikov, Dmitry. 2023. "Spain, Italy, France Decline US Command Of Red Sea Operation Prosperity Guardian." *Gcaptain*. Disember 22. <https://gcaptain.com/spain-italy-france-decline-us-command-of-red-sea-operation-prosperity-guardian/> .